



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

LAWATAN KERJA RASMI YB SENATOR HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH, TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP KE DOHA, QATAR PADA 10 HINGGA 13 MEI 2024

PUTRAJAYA, 10 MEI 2024 – Yang Berhormat Senator Hajah Fuziah binti Salleh telah menerima jemputan sebagai pembentang untuk memberi ucapan di The International Women’s Leadership Conference - in Support of the Women and Children of Palestine di Qatar bermula 10 Mei hingga 13 Mei 2024. Program ini adalah anjuran Global Women’s Coalition for Al Quds and Palestine iaitu sebuah pertubuhan peringkat antarabangsa yang menyokong Kesatuan pemimpin global dalam memberi sokongan kepada wanita dan kanak-kanak Palestin.

Kehadiran YB Timbalan Menteri PDN untuk berkongsi melalui ucapan beliau mencerminkan komitmen Malaysia selaku negara yang menyokong Palestin serta untuk bersama-sama pemimpin wanita global yang lain bertukar pandangan, mencari kaedah penyelesaian terhadap konflik di Palestin terutamanya dalam kalangan wanita dan kanak-kanak serta menyatakan usaha berterusan Malaysia di arena global dalam menangani isu pencerobohan di Palestin.

Selain beliau akan berucap di dalam persidangan tersebut, beliau turut akan melancarkan satu inisiatif solidariti bersama Wanita Gaza. Inisiatif yang di jenamakan oleh beliau “*Women to Women & Women for Women Initiative*” merupakan sumbangan untuk wanita dan anak gadis Gaza berbentuk beg *pouch* kebersihan wanita untuk kegunaan terutamanya sewaktu kedatangan haid. Antara kandungan kit kebersihan wanita tersebut ialah tuala wanita yang di buat dari kain kapas lembut yang boleh di basuh serta sabun khas untuk membasuhnya selain dari barang-barang keperluan kebersihan yang lain.

Projek W2W:W4W ini di uruskan dari awal hingga akhir oleh Yayasan Madani yang merupakan satu Yayasan yang berdaftar di Malaysia, di mana YB Fuziah Salleh juga merupakan pengasas dan pengerusi Yayasan tersebut. Menariknya projek W2W: W4W ini juga telah berjaya menggembeling tenaga wanita dari golongan pendapatan rendah untuk menjahit tuala tersebut dan penerimanya juga merupakan golongan wanita. Itulah asas iniatif ini di panggil "*Women to Women: Women for Women*", ataupun Wanita kepada Wanita: Wanita Untuk Wanita. Tahniah diucapkan kepada Teja Station yang telah berjaya menggembeling tenaga wanita demi projek ini.

Selain daripada itu, YB Fuziah Salleh juga akan menjalankan tugas Kementerian seperti melawat program Foodbank yang wujud di Doha, sambil bertukar fikiran berkenaan dengan bagaimana pihak kementerian boleh menambah baik program Foodbank KPND. Di samping itu beliau juga berhasrat untuk membuat lawatan ke rangkaian Hypermarket di Doha yang wujud di Malaysia untuk meningkatkan lagi kerjasama strategik yang telah wujud sekian lama diantara KPND dengan Hypermarket tersebut.

Adalah diharapkan hasil penyertaan persidangan ini akan memberi manfaat kepada gerakan antarabangsa memperkukuhkan sokongan terhadap Palestin dan mampu menarik kerjasama global bersama Malaysia.

Pejabat YB Senator Hajah Fuziah Salleh

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###